

21 NOV 2003

UMAT ISLAM TIDAK PERLU BERTINDAK GANAS, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 21 Nov (Bernama) -- Umat Islam tidak perlu bertindak ganas dalam memperjuangkan agama dan membebaskan negara mereka yang tertindas kerana cara itu hanya memaparkan imej yang tidak baik bagi Islam, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengecam pengeboman di pejabat Konsulat Britain dan bank HSB di Istanbul, Turki semalam yang mengorbankan 25 nyawa dan mengakibatkan 400 lain cedera, beliau berkata umat Islam perlu ada perancangan untuk mencapai kemenangan.

"Untuk menguasai dunia ini tanpa perlu terlibat dalam aktiviti pengeboman, Islam boleh menggunakan sumber yang ada seperti ekonomi, minyak dan penduduk yang ramai," kata bekas Perdana Menteri pada majlis berbuka puasa di Masjid Bandar Darul Aman di sini hari ini.

Beliau berkata di Malaysia terdapat segelintir golongan muda yang terikut-ikut dengan cara ganas yang kononnya boleh memberi kemenangan kepada Islam.

Turut hadir ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan kira-kira 500 penduduk tempatan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada warga emas, ibu tunggal dan anak yatim.

Beliau juga menerima kad ucapan "Terima Kasih Perdana Menteri" daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh, Jitra.

-- BERNAMA
MNH MAN MOZ